

Perdana Menteri, DatuK Seri Ismail Sabri Yaakob dan isteri, Datin Seri Muhaini Zainal Abidin, meluangkan masa melawat Pusat Jagaan Warga Emas Selangor King George V Silver Jubilee Fund, sempena sambutan Tahun Baharu Cina, kelmarin. Pasangan yang mengenakan pakaian sedondon berwarna merah, tiba pada jam 11.05 pagi. Mereka disertai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun, serta pemegang amanah merangkap Pengerusi Selangor King George V Silver Jubilee Fund, Datuk Seri Yong Seng Yeow. Ismail Sabri dan isteri meluangkan masa kira-kira 40 minit beramah mesra bersama penghuni di situ yang terdiri daripada warga emas wanita dan turut memberi limau mandarin dan angpau kepada penghuni rumah berkenaan. (Foto Fathil Asri /BH)





u Cina